

TERMA-TERMA DAN SYARAT
Kempen CIMB Clicks Top Up & Win Challenge (Round 2) 2023

Tempoh Kempen

1. Kempen “CIMB Clicks Top Up & Win Challenge (Round 2) 2023” (“**Kempen**”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.
2. Kempen akan bermula pada **17^{hb} Oktober 2023 jam 12:00 (GMT+8)** dan berakhir pada **31^{hb} December 2023 jam 23:59 (GMT+8)**, kedua-dua tarikh termasuk (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak untuk memberi notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukarkan jangka masa Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan CIMB aktif baharu dan sedia ada yang menggunakan portal perbankan dalam talian CIMB Clicks, aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan/atau aplikasi mudah alih CIMB OCTO (“**Peserta Layak**”).
5. Untuk Peserta Layak yang belum memuat turun aplikasi mudah alih CIMB Clicks, mereka dikehendaki memuat turun aplikasi mudah alih CIMB Clicks. Untuk menyertai Kempen, semua Peserta Layak mesti mengekalkan akaun semasa/-i, akaun simpanan/-i dan/atau kad kredit CIMB yang sah dan aktif (“**Akaun Penyertaan**”) yang dipautkan dengan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks mereka.
6. Kategori orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a. Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, pertubuhan amal/bukan untung, persatuan dan perkongsian profesional; dan/atau
 - b. Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau digulungkan atau sebaliknya telah mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
 - c. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
7. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesahkan bahawa mereka tidak termasuk di dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

Ganjaran

- Jumlah nilai ganjaran sebanyak RM75,000 akan diberikan kepada Pemenang (selepas ini ditakrifkan di Klausa 16 di bawah) sepanjang Tempoh Kempen.
- Ganjaran ("**Pulangan Tunai**") berikut tersedia kepada Pemenang Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen: -

Kitaran Kempen & Tempoh Transaksi	Penerangan Ganjaran	Jumlah Pulangan Tunai (RM)
Kitaran Kempen 1 17 Oktober 2023 – 31 Oktober 2023	Pulangan Tunai bernilai sehingga RM5 setiap satu	75,000
Kitaran Kempen 2 1 November 2023 – 30 November 2023		
Kitaran Kempen 3 1 Disember 2023 – 31 Disember 2023		

Mekanik Kempen

- Untuk berpeluang memenangi Pulangan Tunai yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Peserta Layak mesti memenuhi Kriteria Penyertaan berikut dalam Tempoh Kempen dengan cara yang dinyatakan di bawah: -

Kriteria Penyertaan

Peserta Layak mesti melakukan **satu (1) Transaksi Tambah Nilai** dengan **nilai transaksi minimum RM10** ("**Transaksi Layak**") melalui: (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; dan/atau (b) portal perbankan dalam talian CIMB; dan/atau (c) aplikasi mudah alih CIMB OCTO.

- Bagi tujuan Kempen ini, "**Transaksi Tambah Nilai**" hendaklah bermaksud sebarang transaksi tambah nilai prabayar yang dilakukan melalui bahagian Tambah Nilai dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan/atau aplikasi mudah alih CIMB OCTO dan/atau portal perbankan dalam talian CIMB Peserta Layak (menggunakan dana daripada Akaun Penyertaan beliau) kepada mana-mana penyedia perkhidmatan yang

disenaraikan di bawah fungsi Tambah Nilai dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan/atau aplikasi mudah alih CIMB OCTO dan/atau portal perbankan dalam talian CIMB.

12. Untuk penjelasan, Transaksi Layak dengan nilai transaksi kurang daripada RM10.00 tidak akan diambil kira untuk tujuan Kempen ini.
13. Kempen akan ditamatkan sebaik sahaja semua Pulangan Tunai telah diberikan atau tamat Tempoh Kempen, yang mana lebih awal.

Pemilihan Pemenang

14. Peserta Layak yang memenuhi Kriteria Penyertaan akan menerima pemberitahuan semerta daripada aplikasi mudah alih CIMB Clicks beliau yang menjemputnya untuk menyempurnakan cabaran ("**Penyertaan Tambah Nilai**"). Bagi Peserta Layak yang merupakan pengguna baharu aplikasi mudah alih CIMB Clicks, ia mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari bekerja untuk mereka menerima pemberitahuan semerta.
15. Peserta Layak yang menerima Penyertaan Tambah Nilai kemudiannya dikehendaki melengkapkan cabaran melalui bahagian "**Cabaran**" pada aplikasi mudah alih CIMB Clicks ("**Cabaran**") dalam Tempoh Kempen untuk menebus Pulangan Tunai. Sebarang peluang yang tidak digunakan selepas Tempoh Kempen akan dilucuthakkan.
16. Pulangan Tunai akan diberikan kepada Peserta Layak terpilih yang melengkapkan Challenge ("**Pemenang**"), tertakluk kepada ketersediaan Pulangan Tunai dalam Kitaran Kempen yang berkenaan. Nilai Pulangan Tunai yang diterima akan diperuntukkan oleh sistem automatik CIMB.
17. Setiap Peserta Layak berpeluang memenangi sehingga tiga (3) kali sahaja setiap Kitaran Kempen dan sejumlah sembilan (9) kali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
18. Kempen ini beroperasi pada enjin logik masa nyata CIMB. Sekiranya berlaku gangguan kepada Kempen yang membawa kepada mana-mana jempukan Penyertaan Tambah Nilai tidak dihantar, CIMB akan menghantar jempukan Penyertaan Tambah Nilai pemulihan atas dasar usaha terbaik, tetapi CIMB tidak menjamin bahawa jempukan Penyertaan Tambah Nilai yang tidak dihantar akan dipulihkan dalam proses pemulihan.

Pemenuhan Pulangan Tunai

19. Pemenang akan dimaklumkan tentang kemenangan mereka dalam masa nyata melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks mereka selepas mereka melengkapkan Cabaran.
20. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang (seperti yang mungkin dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya) dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.

21. Mana-mana Pemenang yang Akaun Penyertaan dengan CIMB telah ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau dorman sebelum pengkreditan Pulangan Tunai tidak akan layak menerima Pulangan Tunai di bawah Kempen ini.
22. Pulangan Tunai tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran yang berbeza dengan nilai setara atau mana-mana alternatif lain dalam apa jua keadaan sekalipun. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk menghantar Pulangan Tunai ke mana-mana akaun bank lain (sama ada dipegang dengan CIMB dan/atau mana-mana institusi kewangan lain).
23. CIMB akan memaklumkan kepada Pemenang tentang kemenangan mereka pada akhir Tempoh Kempen melalui: (a) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di www.cimbclicks.com.my; atau (b) mel elektronik; atau (c) SMS ke nombor mudah alih Pemenang yang dikekalkan dengan CIMB; atau (d) pemberitahuan semerta; atau (e) mana-mana cara pemberitahuan lain sebagaimana yang mungkin dipilih oleh CIMB.
24. CIMB merizabkan hak untuk melucuthakkan Pulangan Tunai jika Peserta Layak tidak mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang dinyatakan di sini.

Terma-Terma dan Syarat Am

25. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan juga telah membenarkan CIMB memproses dan mendedahkan maklumat peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimb.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan dengan adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai yang diberikan dan keputusan sedemikian hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
26. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan Peserta Layak yang ianya tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau telah bertindak memungkir atau berpotensi memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
27. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan mana-mana Pulangan Tunai dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB tidak akan memberikan hak kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.

28. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa-apa cara sekalipun bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya di sini, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam ('act of God') di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat force majeure yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
29. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi dalam apa jua sifat yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun timbul, berkenaan dengan penyertaan atau kegagalan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada apa-apa kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau e-mel atau sebarang bentuk komunikasi lain daripada CIMB oleh Peserta Layak melainkan yang sama timbul daripada dan adalah disebabkan secara langsung oleh kecuiaan melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
30. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu daripada cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my atau di laman web CIMB di mana peruntukan terperinci berkenaan Pindaan boleh diberikan di dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan, atau dengan melaksanakan suatu iklan berkenaan Pindaan di dalam suatu surat khabar pilihan CIMB atau dengan mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB dan Pindaan tersebut akan dianggap sebagai mengikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau mana-mana tarikh lain sepertimana yang mungkin ditetapkan oleh CIMB di dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk melihat Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan atau pengubahsuaian kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
31. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung pindaan, pengubahsuaian, pemadaman, penambahan atau perubahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
32. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausu 30 di atas) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau

representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

33. Sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, persoalan atau aduan oleh Peserta Layak berkenaan akaun semasa-i atau akaun simpanan-i di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah ditujukan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perkara berkaitan dengan akaun semasa-i atau akaun simpanan-i di bawah CIMB Islamic Bank.
34. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau yang terpakai kepada Kempen atau apa-apa perkara di sini.
35. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB di dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks oleh Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
36. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile seperti mana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / E-mel: cru@cimb.com.